

**TAHAP LATIHAN DAN KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN KHAS  
MENGHADAPI CABARAN PELAKSANAAN MATA PELAJARAN  
KEMAHIRAN VOKASIONAL SPESIFIK (KVS) BERDASARKAN  
KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS  
(KSSMPK)**

*Level of Training and Skills of Special Education Teachers in Facing The Challenges of  
Implementing Specific Vocational Skills Based on The Special Education Secondary  
School Standard Curriculum*

Nur Hazwanie Azahari  
Isa Hamzah, PhD  
Mohd Hanafi Mohd Yasin, PhD  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia  
wanieaiman1402@gmail.com

**ABSTRAK**

*Pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS), Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) merupakan satu cabaran baru kepada guru menerapkan kurikulum baru kepada murid berkeperluan khas (MBK) bagi menghadapi era globalisasi. Kajian dijalankan untuk mengenal pasti tahap latihan guru dan tahap kemahiran guru dalam menghadapi cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK. Kajian tinjauan ke atas 143 orang guru pendidikan khas yang mengajar mata pelajaran KVS di negeri Perak dipilih sebagai sampel kajian. Kajian tinjauan ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Analisis data menggunakan perisian SPSS 23.0 yang melibatkan analisis deskriptif (peratus, min dan sisihan piawai). Analisis deskriptif menunjukkan bahawa nilai min bagi tahap latihan guru berada pada tahap yang rendah dan tahap kemahiran berada di tahap sederhana. Manakala cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK berada di tahap yang tinggi. Dapatan juga menunjukkan bahawa cabaran dan halangan yang dihadapi guru adalah tinggi. Analisis korelasi pearson pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tahap latihan, kemahiran guru dengan cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK. Justeru, impikasi kajian mendapati guru perlu meningkatkan latihan dan kemahiran supaya melaksanakan PdPc yang berkesan dan dapat menangani cabaran yang timbul perlu diatasi dengan sebaik mungkin.*

*Kata Kunci:* latihan guru, kemudahan prasarana, kemahiran guru, Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS), Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK)

**ABSTRACT**

*The implementation of the new Specific Vocational Skills subjects under the Special Education Secondary Standard Curriculum aims to prepare students to face the era of globalization. This poses a challenge for teachers teaching students with special needs. A study was conducted to determine the level of training, knowledge and skills of the teacher in the implementation of the new curriculum. A total of 143 special education teachers in the state of Perak were chosen as the sample for the study. This study employed a survey method using a set of questionnaire as the study instrument. Data was analysed descriptively using the SPSS 23.0 software that mainly looked at percentages, min and standard deviation. The findings showed that the mean value for the level of teacher training of special education teachers was at a low level. Findings obtained for two other aspects that were studied, namely infrastructure facilities and skill level*

*towards the implementation of KVS curriculum, was found to be only at a moderate level. The findings demonstrated that the challenges and obstacles faced by the teachers were high. Pearson correlation analysis also shows a significant relationship between the level of training, skill, knowledge, infrastructure as well as the facilities and the implementation of the Specific Vocational Skill subjects. This study suggests that teachers need to upgrade themselves with knowledge and skills in order to implement effective teaching and learning processes and overcome the challenges faced in the best way possible.*

**Keywords:** teacher training, teacher knowledge, infrastructure facilities, specific vocational skills, Special Education Secondary School Standard Curriculum

## **PENGENALAN**

Pengenalan kepada mata pelajaran Kemahiran Vokasional Spesifik (KVS) berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) tidak dikecualikan juga kepada murid berkeperluan khas (MBK) yang baru diguna pakai dari tahun 2016 di semua sekolah menengah yang mempunyai pendidikan khas integrasi. Pendidikan khas integrasi memberi peluang kepada murid pendidikan khas menceburi bidang kemahiran vokasional di samping mengembangkan bakat mereka. Sistem pendidikan Negara harus digubal supaya selaras dengan Program Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) bagi memantapkan sistem pendidikan vokasional negara yang telah dimulakan pada tahun 2013 (Wan Zahid, 1993).

Ekoran dari kurikulum baru ini, hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memberi peluang kepada MBK yang berpotensi dalam bidang kemahiran mengikut bakat dan minat mereka. Mata pelajaran KVS dipelajari di Tingkatan satu sekolah hanya boleh menawarkan dua mata pelajaran Kemahiran Vokasional. Seterusnya untuk tingkatan dua murid hanya boleh memilih satu daripada mata pelajaran KVS yang ditawarkan dan perlu meneruskan bidang kemahiran yang sama bermula di Tingkatan dua hingga ke Tingkatan lima. Murid hanya memilih satu daripada mata pelajaran yang ditawarkan. Bagi Murid yang lulus dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) akan menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Kewujudan program kemahiran vokasioal spesifik (KVS) yang terdapat dalam salah satu komponen mata pelajaran yang terdapat dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Khas (KSSMPK) akan mendedahkan murid berkeperluan khas (MBK) berkaitan pengetahuan dan kemahiran supaya mereka mempunyai peluang yang cerah didalam dunia perkerjaan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan satu Kurikulum Khas kepada MBK iaitu KSSMPK lanjutan daripada Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK) yang dibangunkan oleh Bahagian Pendidikan Khas (BPK). BPK merangka satu kurikulum pengajaran yang tidak dapat disediakan dalam kurikulum untuk murid tipikal. Kewujudan program mata pelajaran vokasional di sekolah menengah intergrasi atas permintaan yang tinggi untuk kemasukan ke SMKV Pendidikan Khas. Peningkatan murid sekolah menengah intergasi pendidikan khas sejak tahun 2017 dan 2018 menunjukkan tawaran terhadap subjek mata pelajaran KVS meningkat setiap tahun.

Bagi murid MBK yang mengikuti bidang kemahiran vokasional, antara kemahiran vokasional yang disediakan adalah kemahiran asas vokasional seperti jahitan, masakan, tanaman, pembuatan perabut, aquakultur, refleksologi, multimedia, dan kemahiraan vokasional spesifik. Oleh itu, murid dilatih oleh guru untuk meningkatkan keterampilan diri dan menerapkan kemahiran vokasioal agar pelajar dapat melanjutkan diri dalam bidang yang mereka minat atau terus ke alam pekerjaan sebenar.

## **PENYATAAN MASALAH**

Permasalahan pertama apabila guru-guru tidak mempunyai latihan yang mencukupi untuk mengajar subjek KVS. Menurut kajian, Farahah & Suziyani (2017) pendedahan yang secukupnya dalam bidang yang berkaitan dengan mata pelajaran ini. Kajian ini selaras dengan Noraini (2015) dari aspek latihan guru,

dapatan kajian menunjukkan guru jarang menghadiri kursus atau seminar berkaitan dengan MPV Khas. Menurut kajian, Farahah & Suziyani (2017) & Jamaliah (2014) guru kurang pendedahan yang secukupnya dalam bidang yang berkaitan dengan mata pelajaran. Kajian ini selaras dengan Noraini (2015) dari aspek latihan guru, dapatan kajian menunjukkan guru jarang menghadiri kursus atau seminar berkaitan dengan MPV Khas. Terdapat kekangan dalam menyediakan guru yang terlatih bagi mengajar MBK dalam mata pelajaran teknikal Tan Yao Sua (2016) & Faridah e.t (2014). Kebanyakan guru pendidikan khas masalah pembelajaran tidak mempunyai kemahiran atau tidak mempunyai sijil berkaitan untuk mengajar.

Bagi permasalahan kajian yang kedua ialah guru pendidikan khas masalah pembelajaran kurang kemahiran dalam melaksanakan mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK. Proses pengajaran dan pembelajaran vokasional bukan hanya tertumpu kepada pembelajaran secara teori sahaja malah melibatkan aktiviti amali atau praktikal. Menurut kajian (Nurul Aida 2016 & Noraini Salleh e.t 2005) menyatakan guru bukan hanya perlu berkemahiran pengajaran teori sahaja namun harus menguasai semua kemahiran yang terdapat dalam sukatan pengajaran berkaitan bidang vokasional. Faridah, Widad, Hairul Nizam & Zainudin, (2014) menyatakan guru-guru yang kurang mahir akan menghadapi kekangan untuk mentaksir pelajar serta akan berikan impak negatif pada pencapaian pelajar. Menurut Rahman Habibi (2016), guru perlu menguasai kemahiran yang melibatkan *procedural* dan generik bagi mempermudah proses pengajaran dan pembelajaran KVS berjalan dengan lancar. Oleh itu, jika guru kurang menguasai kemahiran dengan baik, maka proses PdPc akan turut terganggu.

Selain itu guru menghadapi cabaran dalam pelaksanaan mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK, guru seharusnya latihan yang mencukupi dan kemahiran tambahan bagi mencapai objektif kurikulum. Masalah utama guru pendidikan khas di sekolah menengah integrasi hanya terlatih dalam pedagogi MBK sahaja dan kurang kemahiran untuk melaksana mata pelajaran KVS. Selaras dengan kajian Azhari & Jafar (2015), menyatakan bahawa kekangan yang akan dihadapi sekiranya guru-guru kurang bersedia dalam semua topik yang terdapat dalam kurikulum. Perancangan pengajaran yang akan disampaikan melalui pengajaran bertulis *Written Instructinal Material (WIM)* yang disediakan akan dijadikan sebagai panduan guru dalam memudahkan proses PdPc dan dijadikan penanda aras bagi melakukan aktiviti di dalam kelas. Namun modul pengajaran yang terdapat dalam WIM terlalu tinggi bagi MBK untuk mencapai tahap terampil. Selaras dengan kajian Maini (2018) guru berperanan penting dalam menentukan kaedah PdPc yang sesuai dengan tahap keupayaan murid pendidikan khas. Oleh itu, cabaran guru untuk melaksana KVS dalam KKSPK kepada MKB yang mana kita ketahui antara mereka mempunyai tahap yang berbeza dari segi kognitif dan kemahiran.

## KAJIAN LITERATUR

Menyedari ketidakupayaan Murid Bekerperluan Khas (MBK) ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (2012) berpendapat bahawa pendidikan vokasional merupakan laluan pendidikan alternatif untuk MBK khususnya murid bermasalah pembelajaran (MBP). Pelaksanaan pendidikan mata pelajaran KVS ini, membantu guru dapat menyediakan pelajar bekeperluan khas dengan keperluan pasaran kerja semasa serta bersesuaian dengan tahap keupayaan murid itu sendiri Maslinda et al. (2012). Berdasarkan kajian lepas menurut Noraini (2017), guru-guru juga perlu mempunyai kepakaran dari pelbagai aspek seperti penguasaan terhadap bidang pelajaran yang diajar, menguasai kaedah pengajaran supaya proses PdP dapat dijalankan dengan lancar.

Penggunaan model PCK dalam kajian ini menyatakan bahawa program pengembangan profesionalisme guru melibatkan program latihan serta bengkel. Program peningkatan profesionalisme dapat dilaksanakan dalam jangka panjang mahupun jangka pendek. Asas kepada guru untuk meningkatkan profesionalisme serta membantu guru untuk membangun model yang (Bentram dan Loughran, 2012). Penggunaan Teori Pemikiran Kawalan Adaptif oleh Anderson (1983) dalam kajian ini menyatakan bahawa aspek pengetahuan (pengetahuan deklaratif) adalah asas bagi memperoleh kemahiran (pengetahuan prosedural). Dalam konteks kajian ini, teori yang dikelolakan oleh Anderson ini telah dijadikan sebagai panduan bagi mengenalpasti pengetahuan dan kemahiran guru terhadap pelaksanaan mata pelajaran KVS

berdasarkan KSSMPK. Teori ini perancangan dan persediaan kurikulum untuk generasi akan datang melalui masalah-masalah yang terlibat dalam kurikulum sesuai dengan kegunaan pendidikan global. Penggubalan Kurikulum di Malaysia adalah berdasarkan Model Perkembangan Kurikulum oleh Tyler (1949). Oleh itu, berdasarkan model tersebut, penggubalan kurikulum yang dilaksanakan oleh BPK Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil kira persoalan dasar sebagai langkah bagi menghasilkan kurikulum yang mencerminkan kehendak, keperluan dan keperibadian sesebuah masyarakat serta akan sentiasa berubah mengikut arus perubahan zaman (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).

Fulan mengaitkan latihan dalam perkhidmatan adalah usaha penambahbaikan, Guskey (1985) pula mengaitkan latihan dalam perkhidmatan dengan perubahan. Beliau mengatakan latihan dalam perkhidmatan adalah suatu usaha sistematik untuk membawa perubahan. Latihan perguruan di insititusi pendidikan tidak didedahkan secara khusus mata pelajaran kemahiran vokasional. Untuk mengajar kemahiran vokasional, tenaga pengajar untuk golongan ini juga sebenarnya memerlukan latihan yang khas yang sememangnya berbeza dengan mendidik atau mengajar murid yang normal (Lokman, Nurul Qistin & Mohd Hanafi, 2009). Oleh itu, guru yang berpengalaman dalam bidang vokasional lebih yakin untuk mengajar kemahiran vokasional berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka. Siti Nur Aisyah Sugumarie (2017), menyatakan latihan dalam perkhidmatan boleh meningkatkan profesionalisme mereka menjadi asas kepada penerimaan latihan oleh guru-guru.

Guru seharusnya diberi latihan berkaitan pengetahuan serta kemahiran baru dalam mengajar mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK agar dapat meningkatkan keupayaan guru bagi menjadikan pengajaran lebih berkesan. Hasil kajian menunjukkan bahawa latihan yang berkesan akan dapat memenuhi meningkatkan kemahiran profesionalisme guru (Aisyah 2017 & Azlah e.t 2017). Oleh itu, guru yang mempunyai tahap kompetensi yang tinggi dapat meningkatkan kualiti pembelajaran kepada murid (KPM, 2012). KSSMPK pada kali ini membawa perubahan dalam kurikulum menyediakan satu modul yang setanding murid tipikal dalam memberi peluang kepada MBK mendapatkan pendidikan mata pelajaran KVS yang membolehkan MBK memperoleh kelayakan dan untuk mendatakan sijil yang diiktiraf.

Guru seharusnya mahir dengan kebolehan merancang, mengawal perjalanan PdPc, memberi arahan dan membentuk strategi bagi mencapai matlamat pembelajaran yang telah ditetapkan. Menurut Mok Soon Sang (2003), kemahiran generik juga perlu ada pada seorang guru. Menurut kajian (Faizan Parait & Zanariah Ahmad, 2018) menilai kepada prestasi serta potensi MBK yang diajar, guru seharusnya tahu kelemahan serta kelebihan murid supaya dapat mendorong MBK kepada sebenar mereka. Hal ini kerana mengikut laporan rasmi dari UNESCO-UNEVOV, mendapati guru vokasional di negara-negara yang membangun khususnya di rantau *Southeast Asian* tidak memenuhi tuntutan dunia kerja. Penggunaan kemahiran generik secara berkesan dalam PdP bergantung kepada penguasaan kemahiran pengintergrasiannya dengan kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran berfikir, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran belajar, kemahiran menilai dan menaksir dalam pengajaran. Persepsi guru vokasional ialah pelajar dapat mengikuti dan memahami proses pembelajaran dengan baik sementara persepsi guru bukan vokasional pula adalah sebaliknya (Mohamed Nor Azhari Azman, Muhammad Jafar Kasem, 2015). Menurut Azilah ell (2017), menyatakan latihan yang dijalankan berkesan dan dapat memenuhi kehendak pekerja dari aspek pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan kerja mereka.

Berpandukan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) dalam sistem kurikulum, pelajar hanya terdedah dengan 20 peratus adalah teori manakala 80 peratus adalah kemahiran (Nurul Aida e.t 2016). Pada perubahan kurikulum guru menunjukkan halangan pada membuat rencana pelaksanaan Pembelajaran, membuat modul, menggunakan media dan menggunakan model-model pembelajaran (Fadhilah, 2017). Pengukuran ialah proses mendapatkan maklumat dengan cara mengukur menggunakan instrumen sebelum ukuran itu dapat dinilai atau diinterpretasikan (Mohd Noor et.al, 2010).

Menurut Nurul Farahah & Suziyani (2017), menyatakan pihak terlibat harus memastikan cabaran dapat dikurangkan bagi memastikan guru berupaya melaksanakan pengajaran tanpa sebarang masalah dan

sekaligus memberi kesan yang positif untuk melahirkan murid yang menguasai kemahiran dalam tanaman. Menurut Sapira dan Mohd Hanafi (2017) walaupun majoriti guru guru menghadiri kursus KSSMPK tetapi kebanyakan kursus ini hanya memberikan penerangan dan pendedahan tentang kurikulum baru dilaksanakan sedangkan guru-guru lebih memerlukan maklumat tentang cara bagaimana untuk melaksanakan penerapan elemen ini dalam pdp. Menurut Azhari & Jafar (2015) menyatakan peranan guru bagi memastikan keberkesanan sistem modular dalam mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK yang mempunyai ciri fleksibel dan *individualized*. Oleh itu, guru seharusnya memainkan peranan penting dalam merancang strategi pengajaran supaya PdPc berlangsung dengan lebih mudah.

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap latihan dan tahap kemahiran guru pendidikan khas menghadapi cabaran melaksanakan mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK serta mengkaji adakah terdapat hubungan tahap latihan guru dan tahap kemahiran guru dengan cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK.

### METODOLOGI

Kajian dijalankan melalui pendekatan kuantitatif deskriptif dan inferensi yang telah menggunakan boring soal selidik. Ini adalah kerana, cara yang lebih mudah untuk memperoleh maklumat. Menurut Oppenheim (1996), penggunaan reka bentuk kajian seharusnya dapat memenuhi tinjauan yang telah ditetapkan agar boleh membentuk kajian dan mendapat jawapan kepada masalah yang sebenar serta memenuhi kriteria kesahan dan kebolehpercayaan.

Kaedah persampelan yang digunakan oleh pengkaji adalah kaedah persampelan bertujuan. Kaedah ini sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada kumpulan sasaran di samping dapat menjimatkan masa dan kos (Sekaran 2003). Selain itu, menurut Abdul Rahim (2009) kaedah ini juga mampu memberikan keputusan deskriptif yang baik mengenai subjek kajian. Populasi kajian terdiri daripada guru pendidikan khas yang mengajar Mata pelajaran KVS. Pemilihan negeri Perak sebagai sampel kajian adalah berdasarkan data yang diperoleh daripada KPM, yang menunjukkan bahawa negeri Perak merupakan antara 3 buah sekolah di Malaysia yang mempunyai kelas pendidikan khas yang banyak selain Selangor dan Johor (data perangkaan KPM 2016). Sehubungan itu, adalah penting untuk guru memberikan komitmen 100% dalam pelaksanaan kurikulum baru. Seramai 205 orang guru pendidikan khas yang mengajar mata pelajaran KVS. Daripada bilangan 205 guru yang mengajar mata pelajaran KVS di seluruh negeri Perak, seramai 143 orang menjadi responden pada kali ini. Menurut Krejcie & Morgan (1970), populasi kajian seramai 229 orang ini memerlukan saiz sampel sebanyak lebih kurang 130 orang. Sehubungan itu, pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada semua 150 orang yang dipilih. Maklum balas sekurang-kurangnya 143 borang soal selidik yang telah dikembalikan, dan diisi dengan lengkap dan betul.

Bagi memperoleh data kajian, satu set soal selidik telah dibangunkan sebagai instrumen kajian yang diadaptasi daripada kajian Abd Rahman Habibi (2016) dan Abdul Rahim, Ahmad Johari, Jamaluddin, Musa (2015). Bahagian A adalah Demografi yang terdiri daripada lima (4) item bertujuan untuk mendapatkan latar belakang responden. Bahagian B pula terdiri daripada 14 item bertujuan untuk tahap latihan guru, bahagian C bagi mengetahui tahap kemahiran guru sebanyak 11 item, bahagian D melihat tahap kemudahan prasarana sebanyak 10 item. Manakala bahagian E pula terdiri daripada 13 item bagi melihat halangan dan cabaran pelaksanaan KSSMPK. Empat-empat bahagian B,C,D dan E ini dinilai berdasarkan skala Likert lima mata bermula dari skala 1 (Sangat Tidak Setuju), skala 2 (Tidak Setuju), skala 3 (Agak Setuju), skala 4 (Setuju), dan skala 5 (Sangat Setuju) oleh (Kelly et al. 2008).

Borang soal selidik yang telah ditentukan kesahan dan kebolehpercayaannya ini diedarkan secara atas talian kepada guru yang berkenaan. Pengedaran borang soal selidik secara atas talian adalah lebih mudah

untuk ditadbir kerana menjimatkan masa dan kos kajian di samping dapat ditujukan kepada kumpulan sasaran dengan tepat. Selain itu, kaedah sebegini juga dapat memudahkan pegawai tadbir sebagai responden kajian untuk memberikan maklumbalas. Responden akan berasa lebih selesa untuk mengisi borang soal selidik mengikut kelapangan masa dan situasi pegawai. Keadaan ini memungkinkan pegawai tadbir memberikan maklum balas yang betul, tepat dan ikhlas serta secara tidak langsung akan mempengaruhi ketepatan hasil kajian yang diperoleh.

Analisis data dalam kajian ini menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 20.0. Analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh daripada Bahagian A (Demografi) serta untuk menjawab soalan kajian 1, 2, 3 dan 4 melibatkan frekuensi, peratusan, min, sisihan piawai dan penyusunan data.

### DAPATAN KAJIAN

Data yang diperoleh dalam kajian ini telah diuji terlebih dahulu tahap kenormalan data menggunakan ujian normaliti Kolmogorov-Smirnov. Hasil analisis mendapati data yang dikutip adalah bertabur secara normal. Oleh itu, ujian deskriptif telah dijalankan untuk mengenal pasti taburan demografi responden sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1  
*Taburan demografi responden*

Kod	Profil responden	Frekuensi N=143	Peratus %	
A1	Jantina	Lelaki	27	18.9
		Perempuan	116	81.1
A2	Kelulusan Akademik	Sarjana muda / setaraf	123	86
		Sarjana / setaraf	20	14
A3	Tempoh Pengalaman Mengajar	1 – 5 tahun	74	51.7
		6 -10 tahun	46	32.2
		11– 15 tahun	14	9.8
		>16	9	6.3
A4	Hadir Kursus	Ya	67	46.9
		Tidak	78	53.1

Dalam Jadual 1 menunjukkan jumlah responden perempuan (116) lebih ramai berbanding responden lelaki (27). Sejumlah 86% responden mempunyai kelulusan sarjana muda/setaraf dan 14% mempunyai kelulusan akademik sarjana/setaraf. Sebanyak 51.7% mempunyai pengalaman antara 1-5 tahun, 9.8% mempunyai pengalaman mengajar 6-10 tahun dan 9.8% pengalaman mengajar 11-15 tahun dan 6.3% lebih 16 tahun.

Jadual 2  
*Tahap latihan, kemahiran dan cabaran guru mata pelajaran KVS*

Bil	Persoalan kajian	Min	Sisihan Piawai
1	Apakah tahap latihan guru dalam melaksanakan mata pelajaran KVS KSSMPK?	2.33	0.73
2	Apakah tahap kemahiran bagi perlaksanaan mata pelajaran KVS KSSMPK ?	3.29	0.57
3	Apakah cabaran dalam pelaksanaan mata pelajaran KVS KSSMPP	3.51	0.43

Analisis deskriptif keseluruhan menunjukkan bahawa min yang berada di tahap rendah adalah dengan nilai skor min = 2.33 dan sisihan piawai = 0.73. Item yang menunjukkan item yang berada pada tahap sangat tinggi ialah B10, iaitu dengan skor min = 4.49 dan sisihan piawai = 0.93. Item yang yang paling rendah ialah B4 iaitu dengan skor min = 1.48 dan sisihan piawai = 0.99 serta item B3 iaitu dengan skor min = 1.48 dan sisihan piawai = 1.08. Manakala, item B2, iaitu dengan skor min = 2.22 dan sisihan piawai = 1.58 serta berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa guru pendidikan masih kekurangan latihan untung mengajar mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK.

Analisis deskriptif keseluruhannya menunjukkan bahawa min yang berada di tahap sederhana adalah dengan nilai skor min = 3.29 dan sisihan piawai = 0.57. Item yang menunjukkan item yang berada pada tahap sangat tinggi ialah C10, iaitu dengan skor min = 4.31 dan sisihan piawai = 1.16. Item yang yang paling rendah ialah C2 iaitu dengan skor min = 2.39 dan sisihan piawai = 1.12 Manakala, item C7, iaitu dengan skor min = 3.02 dan sisihan piawai = 0.76 serta berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan analisis data menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru perlu dipertingkatkan dari segi proses PdPc, kemahiran pedagogi dan amali mengajar mata pelajaran KVS.

Setiap daripada item dalam menjawab persoalan kajian yang empat ialah tahap cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK adalah berada pada tahap yang tinggi adalah dengan nilai skor min = 3.51 dan sisihan piawai = 0.43. Item yang menunjukan item yang berada pada tahap sangat tinggi ialah E7, iaitu dengan skor min = 4.08 dan sisihan piawai = 0.95. Manakala, item E10, iaitu dengan skor min = 3.21 dan sisihan piawai = 0.85 serta berada pada tahap sederhana. Secara keseluruhan analisis dapatan kajian menunjukan halangan pelaksanaan mata pelajaran KVS tinggi dan perlu diatasi demi kelancaran proses PdPc.

Kajian mendapati bahawa pekali Korelasi *Pearson* antara tahap latihan guru dengan cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK adalah  $r = 0.556$ ,  $P = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif di antara Tahap latihan guru dengan cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK, tetapi kekuatan perhubungannya berada pada tahap kuat. Maka hipotesis nol 1 adalah ditolak.

### Jadual 3

*Hubungan antara tahap latihan guru dan tahap cabaran melaksana mata pelajaran KVS*

Konstruk	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Latihan guru dengan cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK	0.556	0.00	Kuat

\* Signifikan pada aras 0.01

Rumusannya, keputusan kajian telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara Tahap Latihan Guru Dengan Cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK di negeri Perak.

Kajian mendapati bahawa pekali Korelasi *Pearson* antara tahap kemahiran guru dengan cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK adalah  $r = 0.556$ ,  $P = 0.00$  ( $p < 0.05$ ). Ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan positif antara tahap kemahiran guru dengan cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK, tetapi kekuatan perhubungannya berada pada tahap sederhana. Maka hipotesis nol 3 adalah ditolak.

Jadual 4

*Hubungan antara tahap kemahiran guru dan tahap cabaran melaksana mata pelajaran KVS*

\*\*

Konstruk	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Kemahiran guru dengan cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK	0.556	0.00	Kuat

*Signifikan pada aras 0.01*

Rumusannya, keputusan kajian telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran dengan cabaran melaksana mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK di negeri Perak.

## PERBINCANGAN

### Tahap Latihan Guru

Analisis data menjawab persoalan kajian yang pertama ialah tahap latihan guru dalam melaksanakan mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK adalah berada pada tahap yang rendah. Analisis deskriptif keseluruhannya menunjukkan bahawa min yang berada di tahap rendah adalah dengan nilai skor min = 2.33 dan sisihan piawai = 0.73. Latihan guru untuk mengajar mata pelajaran KVS seharusnya lebih fokus kepada pengetahuan isi kandungan mata pelajaran, pedagogi, ciri-ciri pelajar, kurikulum, konteks kurikulum. Menurut Siti Nur Aisya Sugumarie (2017), hubungan antara aspek kesesuaian latihan dalam perkhidmatan penting selari dengan peningkatan profesionalisme guru-guru bagi menghadapi perubahan dasar.

Item yang menunjukkan item yang berada pada tahap sangat tinggi ialah “Memerlukan lagi latihan tentang pelaksanaan WIM KVS oleh JPN”, iaitu dengan skor min = 4.49 dan sisihan piawai = 0.93. Guru menjadi tunjang kepada sistem pendidikan, pelaksana segala dasar, dan matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh pihak kerajaan. Menurut Siti Nur Aisya Sugumarie (2017), pihak pengurusan sekolah boleh mewujudkan peluang yang lebih baik untuk menjadikan latihan dalam perkhidmatan bersesuaian dengan keperluan guru.

Item yang paling rendah ialah “Saya terlatih bagi membina WIM” iaitu dengan skor min = 1.48 dan sisihan piawai = 0.99 serta ítem “Saya terlatih dengan cekap untuk mengajar KVS KSSMPK” iaitu dengan skor min = 1.48 dan sisihan piawai = 1.08. Dapatan kajian menunjukkan guru tidak cekap mengajar mata pelajaran KVS mereka terpaksa mengajar atau menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan di luar bidang penguasaan mereka. Oleh itu, guru hendaklah mempunyai kepakaran dan penguasaan terhadap bidang pelajaran yang diajar supaya proses pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lancar (Juliyana, Jamil, Zubaile, 2016).

Manakala, item “Saya mendapat latihan secukupnya setelah menghadiri kursus induksi/persediaan”, iaitu dengan skor min = 2.22 dan sisihan piawai = 1.58 serta berada pada tahap sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa selepas mengikuti latihan, motivasi mereka untuk melaksanakan kerja meningkat (Azilah ell, 2017). Seajar dengan dapatan Noor Su`adah menyatakan (2014), guru-guru wajar diberikan pendedahan menyeluruh dan berterusan. Namun kursus yang telah diadakan masih dikira cukup baik dari tiada langsung.

### Tahap Kemahiran Guru

Data menunjukkan bahawa min yang berada di tahap sederhana adalah dengan nilai skor min = 3.29 dan sisihan piawai = 0.57. Berdasarkan interpretasi skor min yang dinyatakan oleh Izani & Yahya (2014)



mengatakan nilai skor min yang berada antara nilai 2.70 hingga 3.49 adalah sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru memainkan peranan yang amat besar dalam usaha untuk memastikan proses PdPc dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan sekaligus memaksimumkan pencapaian murid terutamanya murid pendidikan khas. Kesediaan guru dari segi kemahiran adalah sangat penting dan ini sejajar dengan pernyataan yang dikemukakan oleh Mok Soon Sang (2010) kedua-dua aspek ini saling berkait bagi memastikan mereka bersedia dalam menjalankan tanggungjawab mereka di sekolah.

Kajian ini menyatakan guru-guru juga perlu menguasai kemahiran terkini dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), kemahiran penyelidikan, kemahiran penulisan dan pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran (Kamarul, 2017). Kepentingan berkolaborasi dengan rakan sejawat dalam pelaksanaan mata pelajaran KVS vokasional bagi MBK dapat dilihat daripada jumlah guru yang terlibat dalam kajian ini yang mana mereka sangat bersetuju bahawa pelaksanaan pengajaran KVS perlukan kerjasama semua guru bagi penambahbaikan dari segi kemahiran guru. Semua guru haruslah menguasai kemahiran pengetahuan yang mendalam bukan hanya terhadap pelaksanaan mata pelajaran KVS malah pengetahuan berkaitan dunia pendidikan khas juga. Seperti yang dinyatakan oleh Ishak (2002), terdapat kriteria pengetahuan yang perlu dikuasai oleh seseorang guru yakni pengetahuan pedagogi, isi kandungan, pengetahuan am dan pengetahuan ikhtisas perguruan.

### **Hubungan Tahap Latihan Guru Dengan Cabaran melaksana matapelajaran KVS berdasarkan KSSMPK.**

Kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap latihan guru dengan cabaran pelaksanaan mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK yang tinggi ( $r=0.540$ ,  $p<0.00$ ). Dapatan ini adalah selaras dengan penemuan kajian terdahulu (Sazalia&Rosadah, 2019) terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi GBKSM dari aspek latihan dengan pelaksanaan kaunseling kerjaya dalam kalangan murid berkeperluan khas.

Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan semakin meningkat tahap latihan guru, maka semakin tinggi tahap cabaran melaksanakan mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK. Apabila guru mendapat latihan yang mencukupi maka tahap kompetensi guru untuk mengajar mata pelajaran KVS semakin baik. Menurut (Khuzaimah, Mohamed Yusooif, Shahlan, 2019) terdapat perkaitan yang kuat antara persepsi GBKSM dari aspek latihan melaksanakan kaunseling kerjaya dalam kalangan murid berkeperluan khas.

### **Hubungan Tahap kemahiran Guru Dengan Cabaran melaksana matapelajaran KVS berdasarkan KSSMPK.**

Kajian yang dijalankan menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara tahap kemahiran guru dengan cabaran pelaksanaan mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK yang sederhana ( $r=0.443$ ,  $p<0.00$ ). Dapatan ini adalah selaras dengan penemuan kajian terdahulu (Nur Fadhillah:2019 & Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod: 2016) menyatakan terdapat hubungan positif kemahiran guru dengan pembelajaran dan pengajaran di sekolah menengah harian.

Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan semakin meningkat tahap kemahiran guru, maka semakin tinggi tahap cabaran melaksanakan mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK. Ini menunjukkan bahawa, apabila usaha bagi mengatasi cabaran melaksanakan mata pelajaran KVS berdasarkan KSSMPK diatasi maka tahap kemahiran guru akan meningkat. Menurut (Rahman, 2016) jika usaha dapat mengurangi halangan jika kemahiran meningkat, seharusnya tiada halangan pengajaran dan pembelajaran dan tidak menjadi masalah kepada guru yang mengajar.

### **Implikasi**

Implikasi bagi kajian ini, sebagai seorang guru hendaklah sentiasa berusaha untuk terus menimba ilmu pengetahuan dan mencari pengalaman semaksima mungkin berkenaan dengan sesuatu perkara yang berada di luar bidang penguasaan kita. Salah satu usaha yang boleh dilaksanakan oleh KPM adalah dengan mengenal pasti dan mengambil kira latihan guru perlu mencukupi sebelum mengajar mata pelajaran KVS. Selain itu, pihak KPM juga boleh menganjurkan kursus, bengkel serta latihan yang berkaitan kepada para guru berkaitan dengan pendidikan khas dan bidang-bidang vokasional bagi menghasilkan PdPc yang lebih mantap kaedah pedagogi guru secara berkesan berkesan sekaligus memaksimumkan penerimaan murid tentang apa yang dipelajari.

### KESIMPULAN

Pelaksanaan mata pelajaran KVS KSSMPK yang bercorak *hands-on* memainkan peranan yang penting dalam reformasi pendidikan kepada murid yang kurang berminat dengan pendidikan yang berorientasikan akademik Pendidikan Teknik dan Vokasional menjadi teras dalam membangunkan potensi individu ke arah bertaraf dunia bagi memenuhi aspirasi negara Malaysia. Demi meningkatkan tahap keberkesanan pelaksanaannya, dikemukakan beberapa cadangan penambahbaikan daripada aspek latihan guru, kemahiran guru, kemudahan prasarana, peralatan dan infrastruktur yang perlu diambil tindakan oleh semua yang terlibat dalam perlaksanaannya. Semua guru sebagai pelaksana dapat menyumbangkan tenaga, kreativiti dan komitmen bagi menjayakan program ini. Seterusnya untuk menjadikan KVS KSSMPK setaraf dengan Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi menyediakan tenaga kerja mahir dan separa mahir yang berpengetahuan bagi mencapai status negara dan rakyat berpendapatan tinggi.

### RUJUKAN

- Abd Rahman Habibi. (2016). *Kesediaan pengetahuan kemahiran dan sikap guru pendidikan khas bermasalah pembelajaran mengajar Kemahiran Hidup Pertanian*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2017). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP)*. Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2016). *Data pendidikan khas*. Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Chua Yan Piaw. (2013). *Asas statistik penyelidikan. Analisis data skala likert. Edisi Kedua*. Malaysia: Mc. Graw Hill Education Sdn. Bhd.
- Gibson dan Dembo (1984) Gibson, S. & Dembo, M. 1984. Teacher efficacy: A construct validation. *Journal of Educational Psychology*. Hallahan, D.P & Kauffman, J.M., (1997) "Exceptional Learners"
- Faridah Mariani Johari, Widad Othman, Hairul Nizam Ismail, Zainudin Isa. (2014). *Isu dan cabaran pelaksanaan pendidikan asas vokasional (PVA), di sekolah menengah harian, Malaysia*. Open Universiti Malaysia.
- Jamil Abd. Baser & Shamimi Bolhassan. (2005). *Pembelajaran informal bagi guru mata pelajaran Teknologi Kejuruteraan*. Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia.

- Khairul Bariah Sulaiman, Rohaiza Abd Thani, Rosnani Abdul Latif, Siva Sankar & Wan Azmawani Wan Adnan. (2015). Pengajaran dan pembelajaran abad ke-21: isu dan cabaran. *Nama jurnal tidak dinyatakan*.
- Muhamad Faiz Ismail. (2016). *Komponen asas untuk latihan guru pendidikan Islam basic components for Islamic education teacher training*. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Johor.
- Lokman Mohd Tahir dan Nurul Qistin Mustafa. (2009). Pendidikan teknik dan vokasional untuk pelajar berkeperluan khas. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan, Jil. 24, 73–87*.
- Mohd Rizal Mohd Said & Muallimah Arshad. (2001). *Masalah guru pendidikan khas program integrasi dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran hidup di sekolah menengah. Daerah Kota Tinggi, Johor*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Norfariza Mohd Radzi. (2018). *Tahap kompetensi guru dalam melaksana kemahiran berfikir aras tinggi di sekolah kebangsaan daerah Sepang, Selangor*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Malaysia.
- Nurul Farahah Derapa & Suziyani Mohamed. (2017). *Kesediaan guru pendidikan khas masalah pembelajaran kemahiran vokasional tanaman*. Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Iwani Azmi, Mohamad Hisyam Mohd. Hashim. (2013). Amalan pengajaran berkesan dalam pendidikan asas vokasional di sekolah menengah kebangsaan harian. Fakulti Pendidikan Teknik dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM): *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE 2013)*
- Noraini Khamis & Aliza Alias. (2016). *Kesediaan guru pendidikan khas dalam melaksanakan program transisi di sekolah. Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noraini Abdullah, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Abang Adam Abang Deli, Nur Aishah Abdullah. (2015). *Vocational education as a career pathway for students with learning disabilities: issues and obstacles in the implementation*. Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Safani Bari, Siti Nur Nadirah Ibrahim, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Hasnah Toran, Mohd Mokhtar Tahar & Rozniza Zaharudin. (2010). *Bilik darjah pendidikan khas pada masa kini dan kekangan terhadap proses pengajaran*. Faculty of Education, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sapira Samat@Yusoff, Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2016). *Pengetahuan dan sikap guru pendidikan khas menerapkan kreativiti dan inovasi dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia. Diakses <https://www.researchgate.net/publication/299447210>, Conference Paper-January 2016.
- Supiah Saad. (2005). *Komitmen dan peranan guru dalam pelaksanaan pendekatan pendidikan inklusif di Malaysia*. Jabatan Pendidikan Khas. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Siti Salwa Ab. Manap. (2014). *Pengajaran guru opsyen dan bukan opsyen kemahiran hidup bersepadu sekolah rendah, kemahiran hidup bersepadu*. Batu Pahat. Universiti Teknologi Malaysia.